

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASIK GELUGOR]
SOALAN :**

YB Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan akan mengekalkan hukuman berat kepada pihak-pihak yang didapati bersalah menyebabkan merebaknya nyamuk Aedes. Jika ada, apakah bentuk hukuman tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempunyai peruntukan undang-undang bagi mengambil tindakan kepada pihak yang membiarkan premis mereka menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes iaitu melalui Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975. Bagi mana-mana premis yang didapati mempunyai pembiakan Aedes, akan dikenakan kompaun maksima RM500.00 atau diambil tindakan mahkamah. Untuk pesalah yang disabitkan kesalahan di mahkamah, boleh dikenakan denda maksima RM10,000.00 atau 2 tahun penjara atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama dan denda maksima RM50,000.00 atau 5

tahun penjara atau kedua-duanya untuk kesalahan berulang. Bagi kawasan tapak binaan yang didapati mempunyai pembiakan Aedes, juga boleh dikenakan perintah penutupan premis untuk aktiviti pembersihan.